

Kursus Pengurusan Penternakan Ayam dapat sambutan

BINTULU: 24 individu dari seluruh Sarawak menyertai Kursus Pengurusan Penternakan Ayam di Pejabat Pusat Pertanian Putra (PPP), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, kursus untuk kumpulan dua itu dijalankan buat kali kedua bagi tahun 2024 atas permintaan yang menggalakkan semasa kursus bagi kumpulan satu pada 27 April lepas.

"Kursus kali ini disertai peserta dari pelbagai bahagian di Sarawak iaitu Bintulu, Kuching, Sibu, Belaga, Sri Aman, Lawas, Limbang, Mukah, Dalat dan Bario.

"Kesemua peserta, walaupun mempu-

nyai latar belakang yang berbeza datang dengan tujuan dan semangat yang sama iaitu ingin mencari ilmu dalam bidang penternakan ayam," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Kanan, PPP UPMKB Ts. Dr. Carlina Freddie Simol @ Rachellyna selaku penyelaras dan penceramah kursus berkata, objektif penganjuran kursus itu adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta yang ingin menternak ayam dari segi keperluan umum, penyediaan reban, pengurusan dan penyelenggaraan harian sehingga penuaian.

"Turut dikongsikan juga adalah ilmu pengetahuan tentang pengurusan kesihatan ayam, penyediaan dan penghasi-

lan makanan untuk ayam serta penyelesaian kepada masalah yang sering dihadapi oleh penternak ayam.

"Peserta turut diberi tunjuk ajar melalui sesi amali pemilihan telur untuk penetasan, pemotongan paruh ayam serta cara-cara pemberian vaksin kepada ternakan ayam," katanya.

Menurut Timbalan Pengarah PPP, UPMKB, Prof. Madya Dr. Amy Halimah Rajae, kursus tersebut dijalankan selaras dengan keperluan peningkatan ilmu untuk memperkasa bidang pertanian sebagai salah satu inisiatif dalam menghadapi isu krisis sekuriti makanan negara.

"Inisiatif ini adalah selari dengan Jenama PUTRA – 'Pertanian untuk Rakyat' dan

moto UPM 'Berilmu Berbakti' serta menyahut seruan Naib Canselor UPM untuk merakyatkan pertanian.

"PUTRA juga sinonim dengan moto UPM, 'Berilmu Berbakti' kerana merakyatkan pertanian adalah kaedah terbaik untuk semua duta pertanian UPM menabur bakti kepada masyarakat setelah menimba ilmu dari dan melalui UPM," katanya.

Ujar beliau, kursus itu merupakan satu daripada rangkaian kursus yang dirancang pada 2024 dalam merealisasikan program University for Society (U4S) atau IPT for Society@Keluarga Malaysia (UNITY) melalui program pemindahan teknologi pertanian yang berpaksikan kemajuan dan kesejahteraan komuniti.